

**Sokongan Masyarakat Cina Perak Meningkatkan - Presiden MCA
Bernama
25 April, 2013**

GOPENG, 25 April (Bernama) - Sokongan masyarakat Cina di Perak terhadap Barisan Nasional (BN) semakin meningkat apabila DAP terbukti gagal berkhidmat untuk pengundi negeri itu, kata Presiden MCA Datuk Seri Dr Chua Soi Lek Khamis.

Beliau berkata masyarakat Cina di negeri itu sudah faham bahawa DAP telah mengeneipkan Perak dan menumpukan perhatian untuk meraih sokongan di Johor pada pilihan raya umum ke-13 (PRU13) ini.

"Pemimpin DAP berpendapat mereka di Perak mesti menang dan masyarakat Cina tak ada pilihan lain melainkan pangkah roket. Mereka begitu yakin sehingga tidak berkempen di Perak berbanding di Johor.

"Mereka berpendapat kerusi yang menang dapat dipertahan tanpa memberi apa-apa perkhidmatan. Berbanding di Johor, mereka turun menyerang BN habis-habisan," katanya kepada pemberita selepas majlis pecah tanah gelanggang bola keranjang di Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) Lawan Kuda Baru di Gopeng, Khamis.

Apabila ditanya mengenai dakwaan pembangkang kononnya BN menguasai Perak pada 2009 melalui rampasan kuasa, Dr Chua berkata itu tidak benar dan sentimen itu tiada dalam kalangan masyarakat di negeri itu.

"Rakyat mahukan wakil rakyat yang boleh berkhidmat dan menyelesaikan masalah dan bukan wakil rakyat yang mengeluarkan kenyataan untuk mengkritik orang lain," katanya.

Pada pilihan raya umum 2008, DAP, PKR dan PAS yang masing-masing memenangi 18 kerusi, tujuh dan enam kerusi dewan undangan negeri telah menubuhkan kerajaan bagi menerajui pentadbiran negeri Perak berbanding BN yang mempunyai 28 kerusi.

Bagaimanapun selepas 11 bulan, dua anggota DUN DAP dan dua daripada PKR bertindak keluar parti dan menjadi ADUN Bebas yang menyokong BN, sekali gus memberi laluan kepada BN dengan 28 kerusi DUN mengambil alih pentadbiran Perak secara rasmi pada 6 Feb 2009.

BN menerajui kerajaan negeri Perak dengan 28 kerusi sementara DAP-PKR-PAS dengan 27 kerusi manakala empat kerusi diwakili calon Bebas yang menyokong BN.

Sementara itu, Dr Chua berkata dakwaan Ketua Pembangkang Datuk Seri Anwar Ibrahim bahawa pakatan pembangkang mampu menang di enam negeri pada PRU13 hanya sekadar mimpi.

Sambil menyifatkan ramalan itu sebagai cakap-cakap politik, beliau berkata seperti janji Anwar sebelum ini yang mendakwa mahu membentuk kerajaan baharu pada 16 Sept 2008 namun perkara itu tidak menjadi malahan ramai yang meninggalkan PR pada masa itu.

Dr Chua berkata apabila 32 daripada 34 pengasas PKR meninggalkan parti itu dengan menyatakan mereka tidak yakin dengan Anwar itu membuktikan ketua pembangkang berkenaan suka membuat kenyataan politik yang tidak berdasar.

Dalam satu temu ramah khas dengan Channel News Asia pada Rabu, Anwar mendakwa

kononnya PR akan mengekalkan Pulau Pinang, Kedah, Kelantan, Selangor malah mampu menguasai Perak dan Negeri Sembilan pada PRU13.

--BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=945151>